

## ALIRAN-ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM — SATU TINJAUAN DARI SEJARAH KELAHIRAN DAN PENGARUHNYA\*

Mahyudin Haji Yahaya

### PENDAHULUAN

Kelahiran pelbagai aliran pemikiran dalam Islam masa kini baik di Malaysia maupun di negara-negara Muslim yang lain mempunyai perkaitan rapat dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan aliran-aliran pemikiran umat Islam masa lampau. Kemunculan pelbagai aliran atau mazhab dalam Islam ini berlaku selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.. Di antara faktor-faktor penting yang mendorong ke arah kelahiran aliran-aliran tersebut ialah pertama, kerana kefahaman dan tafsiran yang berbeza mengenai ayat-ayat al-Quran dan Hadith. Kedua, kerana pengaruh politik semasa. Ketiga, kerana pengaruh kebudayaan dan pemikiran asing, khususnya daripada orang Yunani.

Kefahaman umat Islam mengenai ayat-ayat al-Quran dan juga Hadith tidak serupa disebabkan ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka yang berbeza-beza. Di samping itu tidak kesemua umat Islam yang hidup sezaman dengan Nabi sempat bertemu Baginda, dan tidak kesemua mereka mendengar kesemua Hadith yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.. Justeru itu, berlakulah perselisihan dan perbezaan pendapat di antara mereka, khususnya di antara penduduk Madinah dengan yang tinggal di luar Madinah. Perselisihan dan perbezaan pendapat di kalangan umat Islam menjadi lebih ketara lagi apabila mereka semakin jauh dari zaman Nabi.

Di akhir-akhir pemerintahan Khalifah Uthman r.a. berlaku pergeseran politik antara penyokong-penyokong Khalifah Uthman dan penyokong-penyokong Sayidina Ali r.a. yang kebanyakannya dari Iraq. Pergeseran ini terus berlaku hingga sampai kemuncaknya pada zaman Khalifah Ali. Kesan daripada peristiwa inilah lahirnya mazhab Khawarij dan Syiah.

Apabila pengaruh budaya asing dari bangsa-bangsa Yunani, Rom dan Parsi menyerap masuk ke dalam masyarakat orang Islam, terutama selepas berlaku peluasan jajahan takluk Islam, maka lahir pula aliran Mu'tazilah di akhir-akhir pemerintahan Bani Umayyah.

\*Kertas ini telah dibentangkan di dalam seminar Usuluddin "Islam dan Aliran-aliran Pemikiran Masa Kini" anjuran Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya pada 20-21hb. Februari 1988.

Setelah itu lahir pula aliran yang dikenali sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai reaksi kepada kelahiran mazhab Mu'tazilah pada zaman kerajaan Abbasiyyah. Hasil daripada perubahan masyarakat itu melahirkan beberapa golongan lagi yang mempunyai pelbagai aliran dan cara hidup masing-masing mengikut keadaan dan suasana yang dipengaruhi oleh faktor-faktor yang disebutkan di atas, dan juga pemahaman yang dibawa oleh pelbagai aliran yang muncul hasil pengaruh-pengaruh itu.

Dalam kertas kerja ini tumpuan akan diberikan kepada latar belakang sejarah kemunculan aliran-aliran tersebut serta kesan dan pengaruhnya ke atas pemikiran umat Islam hari ini.

### KHAWARIJ

Pendukung-pendukung mazhab Khawarij pada asalnya terdiri daripada pengikut-pengikut Sayidina Ali yang pernah berperang bersama-sama dalam peperangan Jamal (35 H.) dan peperangan Siffin (36 H.). Pada ketika itu mereka lebih dikenali sebagai kaum *al-Qurra'*.<sup>1</sup> Setelah Ali menerima cadangan damai dengan Mu'awiyah, maka sebahagian besar daripada kaum *al-Qurra'* itu telah membantah dan keluar secara beramai-ramai dari barisan tentera Ali. Dengan sebab itu mereka digelar *Khawarij*, erti orang-orang yang keluar (dari barisan tentera Ali). Setelah itu ditafsirkan "keluar" dari rumah bagi memperjuangkan agama. Mereka ini juga dikenali dengan gelaran *al-Haruriyah*, kerana mereka melarikan diri ke suatu tempat bernama Harura', tidak jauh dari kota Kufah. Setelah itu mereka dipanggil *al-Muhakkimah* kerana mereka melaungkan perkataan ﴿لَا يَرَبُّ لِلَّهِ حَكْمٌ﴾ (tidak ada hukum melainkan hukum Allah). Dan seterusnya mereka digelar *al-Shurat* (orang yang menjualkan dunia kerana akhrat). Puak ini lahir pada tahun 37 H. berikutan peristiwa majlis Tahkim.

Pada tahun 38 H. kaum Khawarij telah bertempur dengan tentera Sayidina Ali di Nahrawan di mana ramai daripada kaum Khawarij terbunuh. Peristiwa di Nahrawan berlaku akibat kekejam-an kaum Khawarij membunuh seorang Muslim yang tidak berdosa bernama Abdullah b. Khabbab. Dikatakan bahawa Abdullah dibunuh hanya kerana beliau menyatakan sokongannya terhadap

---

<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan *al-Qurra'* di sini bukan bermakna "Pembaca-pembaca al-Quran" seperti mana yang fahami oleh J. Wellhausen dalam bukunya *The Arab Kingdom and its Fall*, tetapi ia bermakna "Penduduk-penduduk kampung (di Iraq)" dari kata dasar *qaf ra ya* dan bukan *qaf ra hamzah* (lihat keterangan penulis dalam *The Origins of the Khawarij*, Sarjana, 1984).

Sayidina Ali dan khalifah sebelumnya. Di samping itu kaum Khawarij mengkafirkan musuh-musuh mereka, termasuk Sayidina Ali sendiri. Akhirnya, setelah melakukan pemberontakan demi pemberontakan, mereka bertindak lebih kejam dengan membunuh Sayidina Ali pada tahun 40 H..

Puak Khawarij terus memberontak pada zaman Bani Umayyah. Tetapi oleh kerana bilangan mereka terlalu kecil pada ketika itu mereka berbuat keputusan untuk bergabung dengan gerakan yang baru muncul di akhir-akhir pemerintahan Khalifah Yazid b. Mu'awiyah. Gerakan yang baru muncul ini dikenali sebagai al-Azariqah dan al-Najdiyyah. Pemimpin ulung gerakan al-Azariqah ialah Nafi b. al-Azraq dari suku Hanifah yang berasal dari Yamamah. Mereka muncul pada zaman Yazid b. Mu'awiyah di Basrah pada tahun 64 H. Kaum al-Azariqah menghukum pelaku dosa besar kafir dan kekal di dalam neraka. Mereka juga menghukum kafir ke atas sesiapa sahaja yang tidak menyertai perjuangan/peperangan bersama-sama mereka. Orang-orang ini diistilahkan sebagai *qa'adah*. Mereka bukan sahaja mengkafirkan Ali tetapi juga Uthman, Mu'awiyah, Talhah, al-Zubair, Amru b. al-As r.a., dan sesiapa saja yang terlibat dalam perang Jamal dan Siffin. Mereka seterusnya menetapkan bahawa penentangan terhadap pemerintah yang zalim adalah wajib. Mereka juga mengharuskan merampas harta benda orang yang memusuhi mereka. Banyak perkara bid'ah yang bertentangan dengan hukum syariah dan nilai-nilai akhlak yang diperkatakan mereka.

Begitu juga al-Najdiyyah dianggap sebagai salah sebuah firqah Khawarij yang penting. Kemunculan firqah ini sezaman dengan kemunculan firqah al-Azariqah. Pelopornya ialah Najdah b. Amir juga dari suku Hanifah. Kedua-dua firqah ini pada mulanya bekerjasama dengan bermuafakat tetapi setelah itu mereka berpecah oleh kerana perbezaan pendapat. Puak al-Najdiyyah tidak bersetuju dengan sikap kaum al-Azariqah yang melampau. Kaum al-Azariqah telah mengamalkan konsep *isti'rad*, yakni menghalalkan darah sesiapa yang tidak menyokong mereka atau tidak berhijrah bersama mereka. Bagi puak al-Najdiyyah tindakan seperti itu adalah terlalu keras, dengan sebab itu mereka cuba meringankan hukuman ke atas orang yang tidak menyertai perjuangan bersama mereka ke taraf munafik dan bukan kafir. Ertinya bagi orang yang disifatkan *qa'adah* itu atau orang yang menyembunyikan sokongannya (*taqiyyah*) terhadap mereka tidak dihukum kafir dan tidak boleh dibunuh. Kaum al-Najdiyyah telah mendirikan sebuah perkampungan atau sebuah masyarakat yang beragama serta mengamalkan ajaran al-Quran mengikut tafsiran mereka sendiri. Perkampungan ini diistilahkan sebagai 'dar al-Hijrah'. Puak al-Najdiyyah tidak

mewajibkan adanya Imam atau Khalifah; yang penting bagi mereka ialah masyarakat itu sendiri mematuhi ajaran-ajaran al-Quran. Sikap seperti ini telah diresapi pengaruh budaya dan pandangan hidup masyarakat Arab Badwi zaman Jahiliyah, kerana kebanyakan kaum Khawarij terdiri daripada kaum Arab Badwi dari kawasan timur laut Semenanjung Arab, termasuk suku Tamim dan Hanifah.

Kaum al-Najdiyyah, seperti juga kaum al-Azariqah, lebih banyak bergiat dalam bidang politik dan ketenteraan dari bidang teologi. Najdah b. Amir misalnya lebih terkenal sebagai pemimpin tentera dari ahli teologi.<sup>2</sup>

Selain dari yang disebutkan di atas banyak lagi cabang Khawarij dan yang paling terkenal ialah puak al-Ibadiyyah. Ajaran al-Ibadiyyah tersebar luas di Oman, Afrika Timur, Tripolitanian dan Algeria Selatan. Pengasasnya ialah Abdullah b. Ibad dari suku Tamim. Beliau mula muncul di Basrah pada tahun 65 H.. Beliau tidak menyatakan sokongannya terhadap kaum al-Azariqah dan al-Najdiyyah. Di sebaliknya, beliau mendiamkan diri tanpa melibatkan diri dalam perang bersama mereka. Justeru itu beliau dianggap kafir oleh puak al-Azariqah. Golongan al-Ibadiyyah boleh dianggap sebagai golongan yang paling sederhana di kalangan kaum Khawarij. Mereka hanya menganggap kaum bukan Khawarij sebagai orang yang berdosa besar. Berkahwin dengan orang bukan dari puak mereka diharuskan. Mereka juga menolak amalan *isti'rad* yang diamalkan oleh puak al-Azariqah. Dari segi politik, mereka bersetuju bahawa Imam atau Khalifah itu tidak wajib diadakan dan mereka juga menentang sikap penonjolan Imam.<sup>3</sup>

Dari segi politik, kaum Khawarij pada keseluruhan hanya mengakui kepimpinan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah Umar b. al-Khattab r.a. dan separuh awal pemerintahan Khalifah Uthman dan Khalifah Ali r.a. Menurut Khawarij, *iman* bukan hanya merupakan pengakuan lisan dan pengakuan di hati, tetapi mestilah diserta dengan amalan ibadat. Ertinya jika seseorang itu tidak sembahyang atau puasa maka orang itu boleh dianggap kafir, sama ada dewasa atau kanak-kanak, orang lelaki maupun perempuan, orang sihat atau orang sakit kesemuanya diwajibkan ibadat. Anak-anak orang kafir dihukum kafir dan akan dimasukkan ke neraka.

Kaum Khawarij yang dianggotai oleh pelbagai suku Arab Badwi tidak menyetujui kepimpinan kaum Quraisy — dan tidak

<sup>2</sup> W.M. Watt, "Kharijite Thought in the Umayyad Period", dalam *Der Islam*, Vol. XXXIV, 1961, h. 218.

<sup>3</sup> Keterangan lanjut mengenai Khawarij Ibadiyah, lihat Mahayudin Hj. Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Penerbit UKM, 1987, h. 446-448.

ada seorang pun di kalangan mereka berketurunan Quraisy — dengan sebab itu mereka menganjurkan supaya perlantikan Khalifah dilakukan secara bebas dan tidak hanya terhad kepada kaum Quraisy sahaja.<sup>4</sup> Hal ini sangat bertentangan dengan pendapat kaum Syiah.

## SYIAH

Firqah Syiah lahir berikutan kemunculan firqah Khawarij pada tahun 37 H. (atau 38 H.). Kelahiran Syiah adalah merupakan reaksi kepada kelahiran Khawarij; satu golongan menentang Sayidina Ali, sementara yang lain menyokongnya. Hal ini berlaku berikutan dasar Ali yang memihak kepada golongan yang kedua yang telah memberikan sokongan padu sewaktu beliau dilantik menjadi Khalifah dahulu.<sup>5</sup>

Perkataan “Syiah” (شیعیہ) dari segi bahasanya membawa maksud “puak” atau “sekumpulan manusia” dari satu puak. Di dalam al-Quran dinyatakan bahawa pada satu ketika dahulu puak (Syiah) dari Bani Israil berbalah dengan puak (Syiah) kaum Firaun.<sup>6</sup> Perkataan “Syiah” masih digunakan dalam bentuk umum sehingga terbentuknya Syiah Ali. Perubahan ini berlaku selepas peristiwa di Siffin, atau lebih tepatnya selepas rundingan Tahkim. Sekumpulan tentera Ali dari kaum al-Qurra’ pimpinan al-Ashtar Malik b. Harith al-Nakha’i telah membuat pengakuan taat setia kepada Sayidina Ali di kota Kufah dengan melafazkan bahawa, “Semua sahabat Ali adalah sahabat kami dan semua musuh Ali adalah musuh kami”.<sup>7</sup> Dengan adanya ikrar taat setia ini, maka bererti sudah wujudlah golongan penyokong Ali yang tidak berbelah bagi, dan sekaligus terbentuklah aliran Syiah yang mendukung cita-cita ke arah pendewaan terhadap kaum keluarga Sayidina Ali yang tidak pernah berlaku sebelumnya.

Pendapat yang mengatakan aliran Syiah sudah muncul pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. adalah merupakan suatu pandangan yang bertentangan dengan fakta sejarah. Walaupun tidak dapat dinafikan tentang keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Sayidina Ali sebagai keluarga Nabi dan alim dalam bidang agama,

<sup>4</sup> Mahayudin Hj. Yahaya, *Sejarah Awal Perpecahan Uma Islam*, DBP, 1984, h. 106-149.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 96-104.

<sup>6</sup> *Al-Quran*, surah al-Qasas: 15.

<sup>7</sup> Al-Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, M.J. de Goeje (ed.), Leiden, 1879-1901, Jilid 1, h. 3350.

namun beliau tidak ditonjolkan sebagai calon Khalifah yang pertama. Pada ketika itu hanya dua orang calon yang ditonjolkan iaitu Sayidina Abu Bakar al-Siddiq mewakili kaum Muhajirin dan Sa'd b. Ubadah (Abadah) mewakili kaum Ansar. Walaupun dikatakan terdapat beberapa orang para sahabat Nabi termasuk Ammar b. Yasir, Salman al-Farisi, Abu Dharr al-Ghfari dan al-Miqdad b. al-Aswad yang cenderung kepada Sayidina Ali, tetapi setelah terlantiknya Sayidina Abu Bakar al-Siddiq, maka masalah khalifah tidak dipersoalkan lagi oleh sesiapapun. Malah sebahagian daripada peminat-peminat Sayidina Ali itu telah bekerjasama dengan khalifah yang dilantik; Ammar b. Yasir misalnya dilantik menjadi Gabenor Kufah oleh Khalifah Umar b. al-Khattab dan Salman al-Farisi dihantar bertugas sebagai salah seorang pegawai di al-Mada'in.<sup>8</sup>

Pada zaman kemunculannya, aliran Syiah lebih berbau politik dan puak yang menyokong Ali pada ketika itu bercita-cita untuk mengekalkan *status quo* mereka di Iraq dan tidak ada seorangpun di kalangan pemimpinnya dari keluarga Sayidina Ali. Mereka itu terdiri daripada anggota-anggota suku dari Yaman yang tinggal di Kufah di antaranya ialah al-Asytar dan Hujr b. Adi al-Kindi. Dan mereka ini benar-benar merupakan penyokong-penyokong Ali yang setia dan telah terlibat secara langsung dalam kes pembunuhan ke atas Khalifah Uthman. Dengan sebab itulah mereka enggan berdamai dengan Mu'awiyah; sebarang perdamaian dibuat sudah tentu akan melibatkan pengadilan dan hukuman ke atas mereka kerana salah satu tuntutan Mu'awiyah ke atas Sayidina Ali ialah pengadilan terhadap pembunuhan-pembunuhan Khalifah Uthman.

Al-Asytar telah meninggal dunia sewaktu Ali masih hidup. Hujr b. Adi yang masih hidup meneruskan perjuangannya dan menjadi wira Syiah pada zaman Mu'awiyah. Tetapi akhirnya beliau mati dibunuh pada tahun 50 H. Setelah itu terdapat beberapa orang kaum keluarga Sayidina Ali yang tampil menentang kerajaan Bani Umayyah. Mereka itu ialah Muslim b. Aqil dan Sayidina al-Husain, anak Sayidina Ali. Apabila Sayidina al-Hussain terbunuh pada tahun 61 H. maka kepimpinan Syiah beralih kepada Sulaiman b. Surad, iaitu salah seorang pejuang Syiah yang awal. Kemudiannya muncul pula Mukhtar b. Ubaid al-Thaqafi kira-kira pada tahun 64 H.

Kemunculan al-Mukhtar merupakan titik peralihan dalam sejarah perjuangan Syiah. Pada ketika itu lebih ramai kaum Mawali dari keturunan Parsi menyertainya; kepercayaan dan budaya agama

---

<sup>8</sup>Diya'al-Din Rayes, *al-Nazariyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, Dar al-Ma'arif, Kahirah, Mesir, 1969 (cetakan ke-5), h. 35.

Parsi turut mempengaruhi Syiah. Berbagai bid'ah turut ditonjolkan termasuklah perbuatan mengusung kerusi Sayidina Ali yang dikatakan keramat ke medan peperangan. Perbuatan seperti itu telah menimbulkan keraguan kaum Syiah dari keturunan Arab yang sebelum ini menjadi penyokong Sulaiman b. Surad. Akhirnya mereka membiarkan al-Mukhtar bersendirian dengan menyokong penyokongnya dari bangsa Parsi dan seterusnya mereka menganggap al-Mukhtar seorang opportunis yang tamakkan kuasa. Al-Mukhtar telah menggunakan nama Muhammad al-Hanafiyah, anak Sayidina Ali bukan dari isterinya Fatimah, tetapi dari isterinya dari suku Hanifah. Dan seterusnya beliau memasukkan berbagai-bagi fahaman dan teori ke dalam aliran Syiah. Dari sinilah mulanya timbul penyelewengan dalam mazhab Syiah.<sup>9</sup> Penyelewengan yang pertama ialah mengenai konsep Imam Suci (ma'sum) atau Imam Mahdi.

Setelah itu kaum Syiah telah berpecah kepada beberapa puak. Puak Syiah yang terbesar ialah tiga: *Ghulāt* (pelampau) yang mengatakan Ali itu Tuhan, *Imāmiyah*, iaitu pengikut-pengikut Ja'far al-Sadiq b. Muhammad al-Baqir, dan *Zādiyah*, iaitu pengikut-pengikut Zaid b. Ali, saudara Muhammad al-Baqir. Dari tiga ini berpecah pula kepada 32 puak (ada yang mengatakan 20 puak).

Puak Imamiyah, yang paling terkenal di kalangan puak Syiah, mengiktiraf sebanyak 12 Imam yang sah iaitu Ali b. Abi Talib, anaknya al-Hasan dan al-Husain, Ali Zainal Abidin, Muhammad al-Baqir, Ja'far al-Sadiq, Musa al-Kazim, al-Raza, Muhammad al-Taqi, Ali al-Naqi, al-Hasan al-Askari dan Muhammad (Imam al-Mahdi). Menurut kepercayaan Syiah Imamiyah, Imam Muhammad al-Mahdi tidak mati dan ia akan muncul semula bagi membela keadilan Islam. Menurut Syiah Ismailiyah, pengikut-pengikut Ismail b. Ja'far al-Sadiq bahawa Imam Syiah hanya tujuh orang sahaja dan yang ketujuh yang dikatakan Imam Mahdi itu ialah Ismail b. Ja'far al-Sadiq yang dipercayai akan muncul (raj'ah) pada satu masa kelak.

Puak Zādiyah (dikenali juga sebagai Rafidah) tidak ber-setuju dengan konsep Imam Mahdi atau Imam tersembunyi. Mereka

---

<sup>9</sup> Ada pendapat mengatakan bahawa penyelewengan dalam aliran Syiah dilakukan oleh Abdullah b. Saba', pengikut agama Yahudi yang berpura-pura masuk Islam. Walau bagaimanapun, penulis-penulis Syiah tidak mengiktiraf ajaran yang dibawa oleh Abdullah b. Saba yang melampau (*ghulat*) itu. Malah mereka mempersoalkan tentang kewujudan Abdullah b. Saba itu sendiri (lihat misalnya Abdullah Fayyad, *Tarikh al-Imāmiyah wa Aslafihim min al-Syiah*, Matba'ah As'ad, Baghdad, 1970, h. 92-110).

menganggap Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah Umar b. al-Khattab r.a. adalah khalifah-khalifah yang sah tetapi hanya buat sementara waktu sebelum kelahiran Sayidina Ali. Pengiktirafan terhadap kepimpinan Khalifah Abu Bakar dan Umar oleh puak Zaidiyah ini sudah tentu bertentangan dengan kepercayaan puak Syiah yang lain. Dengan sebab itu ulama-ulama Islam menganggap puak Zaidiyah sebagai puak Syiah yang paling sederhana. Menurut al-Tabari, puak Zaidiyah cuba mengamalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sepenuhnya dan telah cuba membela kaum yang da'if.<sup>10</sup>

Kaum Syiah pada amnya mengagungkan keluarga Ali dari keturunan Rasulullah atau *Ahl al-Bait*. Menurut mereka *Ahl al-Bait* yang dimaksudkan itu hanya keluarga Ali sahaja. Roh daripada Imam-imam keturunan ini, menurut mazhab Imamiyah, berpindah dari generasi ke generasi hingga kepada Imam yang kedua belas.

Reaksi kepada dua pandangan yang ekstrim, Khawarij dan Syiah, maka lahir pula satu puak lain yang dikatakan sederhana dan liberal. Mereka ini cuba mengambil pendirian sendiri tanpa memihak kepada kedua-dua golongan tersebut. Puak yang ketiga ini dikenali dengan nama Murji'ah.

### MURJI'AH

Ia merupakan salah satu mazhab atau firqah yang terawal dalam Islam. Ia lahir pada zaman sahabat lagi, iaitu berikutan peristiwa pembunuhan ke atas Khalifah Uthman dan perlantikan Sayidina Ali sebagai Khalifah. Abd al-Qahir al-Baghdadi (m. 429 H.) dalam kitabnya *al-Farq Bain al-Firaq* mengelar pengikut-penganut Murji'ah sebagai pendukung-pendukung doktrin *irja'*. Perkataan *irja'* adalah dinyatakan di dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 106. Dalam ayat ini dan ayat-ayat sebelumnya dinyatakan tentang latar belakang kemunculan puak Murji'ah. Pada dasarnya puak ini menyerahkan segala perbuatan di dunia kepada pengadilan Allah di hari akhirat (نَبِرَّوْنَ دُنْصُرَ اللَّهِ). Dengan kata lain, mereka tidak berani menghukum sesuatu di dunia tetapi menangguhkannya ke hari akhirat. Dengan sebab itu mereka dipanggil Murji'ah, diambil dari perkataan *irja'* erti "tangguh". Mereka juga dikenali sebagai "Ahl al-Wa'd" kerana mereka mempercayai akan janji-janji baik (وَالْمُعْطَى) Allah.

---

<sup>10</sup> Al-Tabari, *op. cit.*, vol. 2. h. 1676-78; 1698-1711.

Tarikh kemunculan puak Murji'ah tidaklah begitu jelas, tetapi ia boleh dianggarkan pada akhir-akhir abad pertama Hijrah.<sup>11</sup>

Sikap toleransi yang ditunjukkan oleh mereka merupakan reaksi kepada sikap puak Khawarij yang melampau. Mengenai ajaran-ajaran yang dibawa Murji'ah disebutkan dengan terperinci oleh al-Baghdadi dalam kitabnya *al-Farq Bain al-Firaq*. Menurut beliau, salah seorang pengasas ajaran Murji'ah ialah Yunus b. Awn al-Numairi. Menurut Yunus, *iman* ialah mengenai Allah dan mengesakan-Nya melalui lidah dan hati, serta tunduk dan kasih kepada-Nya. Apabila mengenal Allah, maka sudah memadat bagi seseorang itu dipanggil Mu'min. Dengan kata lain, sebarang dosa yang dilakukan selepas itu tidak memberi kesan kepada imannya. Bagi orang yang berdosa tidak ada hukuman di dunia, tetapi akan dibawa kepengadilan Allah di hari akhirat. Mereka tidak menghukum pelaku dosa besar (عَذَابٌ) yang tidak bertaubat sebagai kafir, tetapi menganggapnya sebagai seorang Muslim yang Mu'min. Ini bermakna seorang pemerintah atau khalifah yang melakukan dosa besar masih boleh dipatuhi kerana ia masih seorang Muslim yang beriman. Mereka yakin bahawa dosa-dosa itu akan diampuni Allah di hari akhirat kelak berdasarkan janji-janji baik-Nya.<sup>12</sup> Pendapat ini jelas bertentangan sekali dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh puak Khawarij, seperti mana yang disebutkan di atas.

Dengan adanya sifat menunggu atau menangguhkan hukuman orang yang berdosa ke hari akhirat, maka dengan sebab itu puak Murji'ah mengambil sikap *berkecuali* dalam apa juga pertelingkahan atau perang saudara. Sikap ini diperlihatkan dengan jelas dalam perang saudara antara Ali dan Mu'awiyah atau antara Ali dan Khawarij.

Setelah pemikiran mereka berkembang terdapat beberapa perbezaan di dalam pemikiran Murji'ah. Kumpulan pertama pimpinan Ghailan Abu Marwan al-Dimasyqi dan Abu Syamir Muhammad b. Abi Syabib al-Basri telah mengaitkan idea *irja'* dengan masalah iman dan *qadariyah* (kebebasan manusia). Kumpulan kedua pimpinan Jahm b. Safwan mengaitkan dengan masalah iman dan *jabariyah* (kekuasaan Allah ke atas manusia). Kumpulan ketiga, ialah golongan puka Murji'ah yang tidak terikat dengan masalah qadariyah dan jabariyah dengan mangatakan bahawa iman adalah sesuatu yang unggul dan tetap sebelum manusia

<sup>11</sup> Diya'al-Din Rayes, *op. cit.* h. 76.

<sup>12</sup> Abd al-Qahir al-Baghdadi, *al-Farq Bain al-Firaq*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut, 1973, m.s. 190-198. Lihat juga al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, percetakan al-Azhar (t.t.) h. 260-268.

melakukan sesuatu. Golongan ini dipelopori oleh Bisyr b. Ghaiyath al-Marisi.<sup>13</sup>

Golongan Murji'ah yang mendekati fahaman Jabariyah telah mendapat tentangan hebat daripada golongan Qadariyah. Hasil daripada penentangan ini akhirnya muncullah golongan baru yang dikenali sebagai Mu'tazilah.

### MU'TAZILAH

Sejarah awal kemunculan puak Mu'tazilah berlaku di akhir-akhir pemerintahan Bani Umayyah. Pengasas aliran ini ialah Wasil b. 'Atā'. Beliau berasal dari kota Madinah dari keturunan Mawali, bukan Arab. Setelah itu beliau berpindah ke Basrah dan tinggal di sana hingga ke akhir hayatnya (m. 131 H.). Beliau mula bergiat dalam bidang usuludin sejak tahun 105 H.. Sewaktu di Basrah beliau berguru dengan Hasan al-Basri, salah seorang ulama terkenal di Basrah yang mendukung aliran al-Sunnah. Di samping itu beliau berkenalan pula dengan tokoh-tokoh tempatan yang lain termasuklah Basysyar b. Burd dan Jahm b. Safwan, pendukung aliran Jabariyah dari kalangan kaum Murji'ah.

Dari satu segi Wasil bersetuju dengan gurunya, Hasan al-Basri yang menyokong aliran Qadariyah iaitu mengenai kebebasan manusia bertindak. Setelah itu beliau tidak bersetuju dengan gurunya itu apabila gurunya mengatakan hukum orang yang melakukan dosa besar. Katanya jika pelaku dosa besar itu mati dan tidak sempat bertaubat sewaktu hidupnya ia masih dianggap seorang Muslim, tetapi Muslim Munafiq namanya dan di hari kiamat ia akan dimasukkan ke dalam neraka kerana dosanya itu. Setelah itu barulah dimasukkan ke syurga kerana Islamnya. Mendengar kata-kata ini Wasil dan pengikut-pengikutnya terus keluar dari majlis ceramah agama yang disampaikan Hasan al-Basri di masjid Basrah kerana tidak bersetuju dengan gurunya itu. Berikutan peristiwa ini Wasil dan rakan-rakannya digelar "Mu'tazilah" ertiinya orang yang mengasingkan diri. Kejadian ini berlaku pada tahun 105 H.. Pada tahun 120 H. iaitu selepas kematian Hasan al-Basri terbentuklah mazhab tersebut.

Kaum Mu'tazilah sering dianggap sebagai golongan "Rasionalis". Ini adalah disebabkan oleh kerana mereka terlalu banyak menggunakan akal fikiran, sehingga yang berkaitan dengan hukum dan aqidah mereka mengutamakan akal dari nas al-Quran dan

<sup>13</sup> Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin*, Ritter (ed.), Istanbul, 1929 Al-Baghda-di, op. cit., h. 191-192.

Hadith. Apa yang difikirkan lojik pada akal maka itulah yang dianggap benar. Mereka tidak mempercayai akan peristiwa Isra' dan Mi'rij dan seksa kubur walaupun dinyatakan dalam nas al-Quran dan Hadith, kerana pada mereka peristiwa-peristiwa itu tidak masuk akal. Di sini tidak syak lagi bahawa keghairahan Mu'tazilah menggunakan akal fikiran dalam hal ehwal agama adalah kerana terpengaruh dengan falsafah dan pemikiran orang Yunani.

Idea dan pemikiran rasional berkembang dengan pesatnya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, al-Mu'tazim dan al-Wathiq. Pada ketika itu (198-232 H.) aktiviti penterjemahan buku-buku falsafah Yunani giat dilakukan. Tujuan asalnya untuk menimba ilmu pengetahuan sesuai dengan tuntutan agama Islam. Tetapi akhirnya mereka terpengaruh pula dengan idea-idea falsafah itu. Dan seterusnya idea-idea falsafah itu dibawa ke dalam perbicaraan ilmu agama dan aqidah. Ketiga-tiga Khalifah yang disebutkan di atas dikatakan telah menganut mazhab Mu'tazilah dan seterusnya mazhab tersebut dijadikan mazhab negara. Bukan sahaja Khalifah tetapi para ulama juga turut terpengaruh dengan idea-idea yang dibawa oleh Mu'tazilah. Mereka itu termasuklah Sibawaih, pelopor nahu Arab, Zamakhsyari, pengarang kitab *Tafsir al-Kasyaf* dan Ibn Abi Hadid, pengarang kitab *Nahj al-Balaghrah*.

Aliran Mu'tazilah amatlah penting dalam sejarah pemikiran Islam, kerana ia dianggap pelopor ilmu Kalam. Mereka mengelar diri mereka Ahl al-Tawhid wa al-Adl (pendukung tauhid dan keadilan).

Ada lima prinsip pokok aliran Mu'tazilah yang disebut sebagai *azmāt al-ibādah* iaitu *Tawhid*, *al-Adl*, *al-Wa'd wa-Wa'id*, *al-Manzilah bain al-Manzilatain* dan *Amr bi al-Ma'rūf wa nahyu an al-Munkar*. Di sini kita tidak akan membincarakan keseluruhan prinsip itu secara terperinci, tetapi lebih menekankan kepada prinsip pertama dan kedua yang mempunyai kaitan langsung dengan idea dan pemikiran dan falsafah orang Yunani.

Pertama mengenai penafian sifat Tuhan. Kata mereka Tuhan hanya mempunyai zat-Nya sahaja dan tidak ada sifat. Ertinya Tuhan melihat dengan zat-Nya dan mendengar dan berkata-kata juga dengan zat-Nya. Jika Tuhan bersifat bermakna Dia memiliki dua oknum: yang satu Tuhan siaft dan yang satu lagi Tuhan Zat. Ini sudah tentulah tidak lojik kerana Tuhan yang serba Esa itu mempunyai dua oknum. Perbincangan mengenai zat dan sifat Tuhan ini terkandung dalam prinsip yang pertama iaitu Tawhid. Kata-kata Mu'tazilah ini menyerupai kata-kata Aristotle yang menyatakan bahawa "Oleh kerana Tuhan itu Maha Sumpurna, tidaklah Dia memikirkan sesuatu yang lebih rendah selain daripada diri-Nya.

Kerana itulah Dia suci dari sifat-sifat seperti manusia".<sup>14</sup>

Yang kedua ialah mengenai doktrin kebebasan manusia bertindak yang terkandung dalam perbahasan prinsip Mu'tazilah yang kedua iaitu *Al-Adl* (keadilan). Prinsip ini bertolak dari ajaran Qadariyah yang mengatakan bahawa manusialah yang mencipta perbuatannya dan ia sendirilah yang bertanggungjawab ke atas segala perbuatannya itu dan Tuhan tidak campur tangan terhadap perbuatan manusia. Dengan kata lain, Tuhan tidak melakukan keburukan terhadap manusia, kerana Dia tidak bersifat zalim, tetapi akal manusia sahajalah yang dapat menentukan baik buruknya perbuatannya itu. Bahkan menurut setengah Mu'tazilah Tuhan hanya melakukan yang baik-baik sahaja kerana sifat-Nya yang baik dan sumpurna dan yang tidak baik lahirnya daripada manusia kerana manusia tidak sumpurna. Kata-kata ini menyerupai kata-kata Plato iaitu, "Tuhan hanya bertanggungjawab dalam soal-soal yang baik sahaja. Oleh kerana kuasa Tuhan, menurut Plato hanyalah terbatas dalam soal yang baik sahaja, lalu beliau menamakan tuhannya "The Good".<sup>15</sup>

Kaum Mu'tazilah juga mempercayai bahawa Tuhan telah berjanji akan memberi pahala kerana orang yang beramal saleh dan menghukum orang yang bersalah yang terkandung dalam prinsip mereka yang ketiga iaitu *al-Wa'd wa al-Wa'īd*. Maka orang yang melakukan dosa besar menurut Mu'tazilah akan ditempatkan di antara neraka dan syurga dan ini yang dimaksudkan dengan *Manzilah bain al-Manzilatain* dalam prinsip yang keempat. Manakala prinsip yang kelima ialah menyuruh berbuat kebajikan dan mencegah yang mungkar (*Amr bi al-Ma'ruf wa nahyu 'an al-Munkar*) merupakan prinsip yang diterima oleh kesemua aliran pemikiran Islam.

Reaksi kepada aliran Mu'tazilah, maka lahirlah tokoh-tokoh Sunni. Tokoh yang ulung dari golongan ini yang menentang Mu'tazilah ialah Ahmad b. Hambal (m. 241 H.). Penentangan beliau terhadap ajaran Mu'tazilah tidak begitu berkesan kerana yang memerintah pada ketika itu ialah Khalifah al-Ma'mun yang menjadi penyokong ajaran Mu'tazilah. Begitu juga Khalifah-khalifah selepasnya, al-Mu'tasim dan al-Wathiq, sepertimana yang dinyatakan di atas. Tetapi dengan terlantiknya Khalifah al-Mutawakkil yang memerintah antara tahun 232 H.-247 H., maka aliran Mu'tazilah mendapat tekanan dan seterusnya kedudukannya sebagai

<sup>14</sup> Bertrand Russel, *History of Western Philosophy*, George Allen & Unwin Ltd., 1975, h. 180.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 181.

mazhab negara dimansuhkan. Dalam suasana kemunduran dan perpecahan di kalangan penganut Mu'tazilah inilah maka lahirnya golongan baru yang dikenali sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

### AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Mereka ini merupakan gabungan antara *Ahl al-Ra'y* (yang kebanyakannya berada di Iraq) dan *Ahl al-Hadith* (yang kebanyakannya berada di Madinah).<sup>16</sup> Kedua-dua golongan ini banyak menggunakan Hadith bagi menentukan hukum. Perbezaannya ialah golongan Ahl al-Hadith lebih banyak menggunakan *ra'y* atau fikiran. Dengan sebab itu mereka digelar *Ahl al-Sunnah*, ertinya pembela sunnah Nabi.

Usaha untuk membela sunnah Nabi telah dilakukan oleh para sahabat Nabi sendiri. Setelah itu diikuti oleh pengikut-pengikut mereka (*tabi'in*). Tokoh-tokoh yang mendukung aliran ini termasuklah Abu Hanifah, pelopor *Ahl al-Ra'y* dan Ahmad b. Hambal, pelopor *Ahl al-Hadith*. Pada waktu itu masih belum wujud apa yang dinamakan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Tetapi setelah munculnya pelbagai aliran yang disebutkan di atas, maka pada waktu itulah lahirnya aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Jadi tepatlah sepetimana yang dinyatakan oleh Ust. Muhammad Uthman el Muhamady, "Nama Ahli's-Sunnah wal-Jama'ah itu adalah sesuatu yang timbul sebagai pernyataan sesuatu yang memang sudah ada benihnya".<sup>17</sup> Benih-benih ini kemudiannya disemai dan tumbuh sehingga menghasilkan buah. Buah inilah yang memperlihatkan perbezaan di antara pelbagai jenis hasil benih semai yang lain. Tanpa adanya ukuran perbandingan ini, maka sudah tentu sistem atau jalan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tidak akan dapat diketahui dengan jelas.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jam'ah* lahir pada abad ke-3 H.. Sebagai reaksi kepada ajaran Mu'tazilah yang dianggap sudah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Pimpinan aliran yang baru muncul ini ialah Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.

Jika dibandingkan di antara kedua-dua tokoh itu, maka Abu Hasanlah yang lebih popular dan dari ajaran beliaulah kemudian-

<sup>16</sup> Al-Baghdadi, *op. cit.*, h. 19.

<sup>17</sup> Ust. Muhammad Uthman el Muhamady, "Ahli Sunnah Wal Jamaah: Suatu Huraian Dari Perspektif Sejarah dan Konsepnya" kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar *Ke Arah Pemurnian Pemikiran Islam di Malaysia*, anjuran Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya pada 9 dan 10 November 1987, Kuala Lumpur, h. 12.

nya lahir mazhab Asy'ariyah. Sebelum memimpin aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jam'ah beliau dikatakan telah menganut aliran Mu'tazilah selama 40 tahun. Dari aliran itu beliau beralih mengikut ajaran yang dibawa oleh Ahmad b. Hambal.<sup>18</sup> Ahmad b. Hambal tidak suka berta'wil dan tidak gemar mengagungkan peranan akal. Tindakan beliau menyokong Ahmad b. Hambal dinyatakan dalam kitabnya *al-Ibānah fī Usūl al-Diyānah*. Setelah meneliti kedudukan ajaran-ajaran yang dianutinya itu, akhirnya Abu Hasan al-Asy'ari mengambil jalan tengah antara ajaran Mu'tazilah dan ajaran Ahmad b. Hambal: yang pertama memberi perhatian yang lebih banyak kepada peranan akal, sementara yang kedua lebih kepada *naqal* atau nas. Dengan langkah yang diambilnya itu bermakna bahawa Abu Hasan al-Asy'ari cuba menggunakan nas dan akal secara seimbang bagi melahirkan sifat kesederhanaan dalam menentukan hukum. Sifat kesederhanaan inilah yang mendasari ajaran yang dibawa oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jam'ah.

Abu Hasan al-Asy'ari dan rakan-rakannya, termasuk Abu Mansur al-Maturidi telah berusaha mengikis faham Mu'tazilah yang berkembang luas pada masa itu dan cuba mengembalikan manusia kepada ajaran Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Langkah ini diteruskan oleh pendukung-pendukung Asy'ariyah termasuk Ima'm al-Ghazali r.a. Al-Asy'ariyah berpendapat bahawa menerusi akal membolehkan seseorang mengetahui wujudnya Allah, tetapi sebaliknya akal tidak boleh menentukan baik buruknya sesuatu dan ia tidak sebebas yang dianggap Mu'tazilah.

Apabila tokoh-tokoh Asy'ariyah menggunakan pendekatan falsafah dalam membicarakan ilmu Tauhid yang menyebabkan munculnya apa yang dinamakan "Ilm al-Kalam", maka Imam al-Ghazali menjauhkan diri daripada golongan Asy'ariyah dan ulama al-Kalam dan seterusnya mengecam ahli-ahli Falsafah. Kecaman beliau terhadap ahli-ahli falsafah dinyatakan dalam kitabnya *al-Tahāfut al-Falāsifah*.

Selepas Imam al-Ghazali r.a. meninggal dunia tokoh-tokoh falsafah terus muncul tetapi dalam bentuk yang baru. Mereka berselindung di sebalik ilmu tasawwuf atau menyarung jubah tasawwuf supaya kelihatan seperti ulama tasawwuf. Ini dilakukan bagi mengelakkan dari dikecam oleh golongan anti falsafah atau golongan sufiyah itu sendiri. Tujuan mereka yang kedua ialah

<sup>18</sup> Pendirian al-Baghdadi tentang kedudukan Ahmad b. Hambal sebagai tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jam'ah adalah tidak jelas. Ini mungkin oleh kerana pendiriannya agak berlainan sedikit dengan tokoh-tokoh Ahl al-Sunnah yang lain (lihat bukunya *al-Farq Bain al-Firaq*, m.s. 20 di mana nama Ahmad b. Hambal tidak disenaraikan bersama-sama Abu Hanifah, Anas b. Malik dan Syafi'i).

untuk mencemarkan imej tasawwuf itu sendiri. Tokoh-tokoh falsafah yang dimaksudkan itu termasuklah Ibn al-Arabi yang mempelopori teori *Wahdat al-Wujūd* (keesaan wujud) dan Abdul Karim al-Jili yang memperkenalkan doktrin *al-Hulul* (manusia dan Tuhan meresap ke dalam satu tubuh). Apabila fahaman aliran tasawwuf falsafah atau tasawwuf dibahaskan melalui falsafah ini timbul, maka terjadilah semacam kekosongan jiwa dan kerohanian di dalamnya. Keadaan ini memberi kesempatan kepada sufiyah untuk mengisinya.

Kebangkitan golongan sufiyah di peringkat ini lebih menekankan kepada soal-soal kerohanian dan upacara-upacara beribadat yang dijelmakan menerusi tarekat (*tariqah* jamaknya *turuq*) yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Sikap dan pendirian mereka tidak serupa dengan sikap dan pendirian golongan sufiyah asal yang dipelopori oleh para sahabat yang lebih menekankan kepada unsur-unsur akhlak yang cuba diperjuangkan semula oleh Imam al-Ghazali r.a..

Amalan bertarekat pada mulanya dilakukan di masjid, setelah itu berkembang dalam bentuk *halaqah* bagi melakukan zikir (*dhikr*). Kemudian mereka mencari ruang-ruang khas yang dikenali sebagai *Khawariq*, *ribat* atau *zawiyah*. Setelah tarekat mengalami perkembangannya selepas abad ke-5 H/11 M., maka timbulah berbagai pembaharuan sehingga ia seakan-akan menyamai sistem monastri (rahbaniyah) yang hanya semata-mata menumpukan kepada hal-hal kerohanian dan pengikut-pengikutnya hidup bersendirian mengasingkan diri dari masyarakat. Perkembangan berikutnya beberapa unsur baru dimasukkan ke dalam tarekat termasuk unsur kekeluargaan dan keturunan. Ini berlaku selepas abad ke-8 H./14 M. iaitu sewaktu umat Islam sedang mengalami zaman kebekuan ilmu pengetahuan dan pemikiran. Dalam suasana seperti inilah musuh Islam mengambil kesempatan dengan menyertai gerakan tasawwuf, kemudian mengelirukan kaum Muslimin yang ikhlas beramal kerana Allah.

Ringkasnya, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah merupakan aliran pemikiran Islam yang terakhir muncul pada zaman tradisi Islam. Ia merupakan suatu aliran yang paling lengkap dan sempurna berdasarkan cara dan kaedah yang digunakannya iaitu menerusi pengabungan antara *nas* dan *ra'y*. Namun begitu, masih juga terdapat beberapa kelemahannya. Kelemahan-kelemahan ini dilakukan oleh penganut-penganutnya yang muncul kemudian. Ada di antara mereka yang hanya bertaqlid dan mengekor imam-imam mazhab tanpa melihat dengan lebih luas dari mazhab-mazhab lain di dalam kumpulannya atau di luar kumpulannya. Dan ada pula yang bersikap terlalu berani sehingga mengatasi tindakan yang

dilakukan oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah atau Salafiyah dahulu. Sikap yang berlebihan ini terjadi akibat pengaruh dari beberapa ajaran yang muncul sebelum itu yang sudah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar, termasuklah Murji'ah dan Khawarij.<sup>19</sup> Walaupun Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah berupaya melahirkan suatu sistem pemikiran yang lebih lengkap dan teratur dan melahirkan pengikut-pengikut yang ramai, namun ia tidak dapat menyekat pengaruh dari ajaran-ajaran lain itu, khususnya pada zaman di mana umat Islam sedang mengalami keruntuhan tamadun.

### PEMIKIRAN ISLAM PADA ZAMAN KERUNTUHAN

Zaman keruntuhan umat Islam bermula kira-kira di pertengahan abad ke 8 H./13 M.. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kemunculan zaman ini. Pertama, kerana serangan tentera Mongol ke atas negara-negara Islam di sebelah timur dan tentera Salib di sebelah barat. Akibat dari serangan-serangan ini empayar Islam di sebelah timur yang berpusat di Baghdad dan di sebelah barat yang berpusat di Andalus telah jatuh ke tangan musuh. Banyak gedung ilmu (perpustakaan) yang terdapat di kota-kota besar seperti Baghdad, Damsyik, Granada dan Qurtubah turut musnah. Kesan sampingan dari peristiwa-peristiwa hitam ini amatlah besar, bukan sahaja dari segi politik dan ilmu pengetahuan, tetapi juga psikologi dan pemikiran.

Faktor kedua ialah dengan kelahiran mazhab-mazhab di dalam aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah itu sendiri. Justeru itu, pintu *ijtihad* ditutup. Kesannya melahirkan golongan yang ta'sub kepada mazhab.

Keadaan seperti ini telah membawa kepada era taqlid secara membuta tuli, dan seterusnya memperlihatkan ciri-ciri kebekuan, ketandusan dan kemandulan ilmu pengetahuan dan pemikiran. Masyarakat Islam pada waktu itu tidak berupaya lagi melahirkan tokoh-tokoh yang kreatif dan ilmiah. Tokoh yang terakhir yang telah menunjukkan taraf kesarjanaan yang tinggi dalam pelbagai aspek ilmu pengetahuan Islam ialah Ibn Khaldun (m. 806 H./1406) dengan karyanya *Muqaddimah*. Selepas itu dunia Islam mengalami ketandusan ilmu pengetahuan. Ini ialah oleh kerana masyarakat Islam telah tidak digalakkan lagi mencungkil ilmu dari al-Quran

---

<sup>19</sup> Menurut al-Baghdadi, selain dari Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah atau diisitihakan sebagai Ahl al-Najiyah dan Syiah Imamiyah dan Zaidiyah kesemuanya terkeluar dari firqah Islamiyah (lihat bukunya *al-Farq Bain al-Firaq*, h. 12-20).

kerana bimbang idea-idea dan pendapat-pendapat yang ditonjolkan nanti bertentangan dengan ajaran-ajaran mazhab yang dianuti oleh sesebuah negara pada ketika itu. Idea-idea Ibn Khaldun mengenai sejarah dan masyarakat baru sahaja diperkenalkan di institusi-institusi pengajian tinggi di negara-negara orang Islam, sedangkan di Barat teori Ibn Khaldun sudah lama dipelajari, setidak-tidaknya sejak abad ke-17 M.. Sebelum itu Ibn Khaldun dicap sebagai orang yang cuba menyelewengkan agama oleh golongan yang terikat dengan mazhab-mazhab tertentu yang didahului oleh golongan sufiyah.

Dalam suasana kebekuan ini jugalah lahirnya Ibn Taimiyah (m. 728 H./1328 M.) yang cuba memperjuangkan aliran yang dibawa oleh Imam Ahmad b. Hambal kira-kira lima abad yang lalu. Ibn Taimiyah bukan sahaja mengecam golongan *Ittihadiyah*, pengikut-pengikut Ibn al-Arabi yang memasukkan unsur-unsur pemikiran Yunani dan Hindu, tetapi juga membenteryas amalan syirik dan bid'ah yang berleluasa pada ketika itu. Oleh kerana golongan kedua yang menjadi sasaran Ibn Taimiyah itu melibatkan golongan Sufiyah, maka beliau mendapat tentangan daripada golongan tersebut, termasuklah Ibn Ata'ullah dari Mesir. Usaha Ibn Taimiyah disambung oleh anak muridnya Ibn Qayyim. Tetapi kedua-duanya gagal melawan arus pemikiran sempit yang menye-lubungi masyarakat pada ketika itu.

Demikianlah halnya perjalanan pemikiran umat Islam pada zaman taqlid yang berpanjangan yang sukar dirombak atau diubah oleh kerana jemaahnya yang besar dan disokong padu oleh pihak pemerintah. Dalam pada itu usaha ke arah permurnian semula ajaran Islam yang suci terus berlaku. Di antara usaha-usaha itu dilakukan oleh Muhammad b. Abd al-Wahhab. Gerakan ini dikenali sebagai *Wahhabiyah* (atau nama asalnya *Muwahhidun*, golongan mentauhidkan Allah), yang muncul di Najd pada abad ke-12 H./18 M..

Puak Wahhabi menganggap diri mereka sebagai pendukung mazhab Sunni menurut ajaran Ahmad b. Hambal yang diperkembangkan oleh Ibn Taimiyah. Tetapi bagi golongan di luar Wahhabi tidak mengiktiraf gerakan tersebut sebagai gerakan Islam yang sebenar, dengan sebab itu ia dipopularkan sebagai gerakan Wahhabiyah yang membawa ajaran dan pemikiran yang ditonjolkan sendiri oleh Muhammad b. Abd al-Wahhab.

Pada hakikatnya terdapat perbezaan dan persamaan di antara ajaran yang dibawa oleh Muhammad b. Abd al-Wahhab dengan ajaran yang dibawa oleh Ahmad b. Hambal. Ini dapat diperhatikan kepada 10 ajaran pokok yang diaju oleh puak Wahhabiyah yang tersebut dalam kitab *al-Lam'* iaitu seperti berikut:

1. Menyembah selain Allah adalah syirik, ini termasuk pendewaan terhadap tokoh atau pemimpin. Orang yang syirik ini seharusnya di hukum bunuh.
2. Ramai manusia yang menyekutukan Allah kerana ramai di antara mereka yang menziarahi kuburan para wali untuk mendapatkan syafaat daripada Allah.
3. Menyebut nama seorang tokoh, Wali, Malaikat dan sebagainya di dalam sembahyang adalah hukumnya syirik.
4. Dihukum kafir bagi sesiapa yang tidak mengakui akan kebenaran ajaran al-Quran dan Sunnah.
5. Dihukum kafir dan mulhid bagi sesiapa yang mengingkari qada' dan qadar.
6. Seseorang itu boleh menjadi kafir dengan mentafsirkan al-Quran secara ta'wil.
7. Sembahyang berjemaah diwajibkan.
8. Menghisap rokok dihukumkan haram dan boleh didenda maksima 40 kali rotan.
9. Mencukur jangut dan melafazkan kata-kata kasar/kesat boleh dihadapkan ke mahkamah kadi dan boleh dijatuhkan hukuman yang setimpal dengannya.
10. Pengucapan syahadah sahaja tidak memadai untuk menjadikan seseorang itu Muslim.<sup>20</sup>

Dari sepuluh ajaran pokok Wahhabiyah itu hanya enam yang pertama sahaja yang menyerupai ajaran Ahmad b. Hambal, sementara empat yang bakinya menyalahinya. Dengan kata lain, Wahhabiyah telah menokok tambah ajaran yang dibawa oleh Ahmad b. Hambal bagi melancarkan gerakannya di Semenanjung Arab. Dengan penambahan-penambahan itu menyebabkan gerakan ini lebih keras dan melampau seolah-olah ia mengarah kepada tindakan kaum Khawarij. Sesungguhnya ajaran-ajaran baru yang dibawa oleh kaum Wahhabiyah itu banyak menyerupai ajaran kaum Khawarij. Pada satu ketika dahulu kaum Khawarij Najdiyah pernah menguasai sebahagian besar Semenanjung Arab, termasuklah Najd di mana gerakan Wahhabiyah bermula.

Ajaran dan pengaruh Wahhabiyah tersebar luas hingga ke Libya, Sudan, India dan Afghanistan.

### ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM ZAMAN MODEN

Pada zaman moden ini terdapat beberapa aliran pemikiran Islam yang cuba membela dan membangunkan *ummah* (masyarakat

---

<sup>20</sup> Lihat terjemahannya dalam S. Zwemer, *The Mohammedan World of Today*, New York, 1906, h. 106.

Islam) yang diwakili oleh dua golongan: Syiah dan Sunni. Aliran Syiah dipopularkan di Iran sementara aliran Sunni terdapat di negara-negara Muslim yang lain.

Yang sebenarnya gerakan Syiah di Iran pada hari ini bukanlah diwujudkan secara kebetulan, tetapi ia mempunyai sejarahnya yang panjang dan lama dan tidak terputus dengan gerakan-gerakan Syiah yang awal yang muncul pada zaman kerajaan Bani Umayyah. Pada ketika itu orang-orang Parsi (Iran) sudah menganut faham Syiah, sepetimana yang disebutkan di atas. Perjuangan kaum Syiah terus hidup sehingga mereka berjaya mendirikan beberapa buah kerajaan di akhir-akhir pemerintahan Abbasiyyah, di antaranya ialah kerajaan Fatimiyah di Mesir yang menganut ajaran Ismailiyah dan kerajaan Buwaiyah di Iran yang menganut ajaran Zaidiyah. Setelah itu muncul pula beberapa dinasti Syiah yang lain di Iran termasuklah dinasti Saffariyah (Safavi), dinasti Qajar dan dinasti Pahlavi. Pada zaman Pahlavilah lahirnya Revolusi Islam di Iran pimpinan Ayatullah Khomeini.

Begitu juga dengan aliran Sunni yang lahir pada zaman ini serta gerakan-gerakan yang dicetuskannya bukanlah berlaku secara kebetulan, tetapi mempunyai perkaitan rapat dengan zaman lampau. Sejak dulu lagi aliran Sunni mempunyai empat mazhabnya yang besar: Maliki, Hanafi, Syafi'i dan Hambali, dan mazhab-mazhab ini terus diamalkan oleh pengikut-pengikutnya hingga ke hari ini. Namun begitu, di antara mazhab-mazhab ini sering berselisih faham mengenai hukum halal haram yang menyentuh masalah *furu'* dan tidak lebih dari itu.<sup>21</sup> Tetapi pada zaman moden ini perselisihan itu bukan hanya di antara mazhab, malah dalam satu mazhab sering berlaku tuduh menuduh dan kafir mengkafir.

Perbezaan pendapat di kalangan pendukung aliran Sunni pada zaman ini telah melahirkan pelbagai aliran pemikiran yang menarik. Fenomena yang baru muncul ini sebenarnya bertitik tolak dari zaman keruntuhan umat Islam. Setelah itu diikuti dengan zaman penjajahan dan zaman pengaruh sekularisme Barat.

Perubahan-perubahan yang berlaku ke atas umat Islam pada zaman-zaman tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi. Golongan Wahhabi di Semenanjung Arab menerajui gerakan memerangi unsur-unsur syirik dan bid'ah seperti penyembahan kubur dan kekeramatian.<sup>22</sup> Golongan Sanusi di Libya dan Mahdi di Sudan

<sup>21</sup> *Al-Baghdadi*, op. cit., h. 20.

<sup>22</sup> Keterangan lanjut lihat Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, DBP, 1987, h. 28-29. Beliau mengelar golongan ini "Fundamentalis".

memerangi imperialisme Barat (imperialisme Itali di Libya, imperialisme Inggeris di Sudan). Golongan Islam di Turki pimpinan Said Nursi memerangi modenisme dan pembaratan yang dibawa oleh regim Kamal Ataturk Pasha. Begitu juga Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh di Mesir memerangi imperialisme Barat serta meniupkan semangat jihad menentang penjajahan dan kejahilan dalam gerakan *islah*. Setelah itu muncul pula golongan Ikhwan al-Muslimin yang bersifat lebih radikal daripada golongan *islah* di Mesir. Kesan dan pengaruh gerakan Ikhwan al-Muslimin ini telah memunculkan Jamaati Islami di Pakistan.

Pada dasarnya perjuangan golongan-golongan yang disebutkan tadi tidak banyak berbeza, hanya yang berbeza dari segi pendekatan sahaja. Pendekatan Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh lebih mirip kepada pendekatan Abu Hasan al-Asy'ari yang mengabungkan antara *ra'y* dan *nas*, dengan sebab itu mereka tidak bersikap pasif terhadap tamadun Barat. Sementara yang lainnya lebih mendekati pemikiran Ahmad b. Hambal yang lebih menekankan kepada *nas* dan memperkecilkan peranan akal, dengan sebab itu mereka mengecam tamadun Barat dan kononnya cuba mengembalikan masyarakat Islam kepada zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin.<sup>23</sup>

Di samping itu terdapat pula segolongan Sunni yang sangat terpengaruh dengan idea dan tamadun Barat. Mereka ini biasanya terdidik dalam sistem pendidikan sekular dan ramai pula daripada mereka yang menganggotai barisan pemerintah. Tugas pemerintah ialah untuk membangunkan masyarakat dan negara dengan kadar yang maksimum dan segera. Bagi mencapai matlamat ini mereka terus melihat ke Barat atau ke negara-negara maju di timur untuk dijadikan "model" bagi mengayakan corak hidup masyarakat tanpa bersusah payah menoleh ke zaman silam Islam, dengan mengandalkan bahawa tamadun Islam sudah berpindah ke Barat atau ke tempat lain di timur. Mereka ini melihat Islam sebagai suatu sistem kepercayaan, seperti agama-agama lain yang dikaitkan secara langsung dengan hal-hal ibadat seperti sembahyang, puasa dan nikah kahwin tanpa melibatkan dengan urusan ekonomi, politik dan kenegaraan. Malah ada yang mengatakan bahawa tamadun yang dibawa Islam sudah lapok dan ketinggalan zaman. Mereka ini boleh dianggap sebagai golongan "Pragmatis" yang sangat terpedaya oleh akal fikiran seperti mana yang pernah berlaku ke atas Mu'tazilah.

---

<sup>23</sup> Menurut al-Baghdadi, terdapat lapan asnaf golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah; golongan sufiyah disebut asnaf yang kelapan yang memasuki syurga *al-Farq Bain al-Firaq*, h. 303.

Namun begitu, dari segi amal ibadat khusus seperti sembahyang dan puasa mereka tetap mengikut aliran Sunni.

Dalam pada itu ada pula segolongan Sunni yang tidak begitu peka dengan perkembangan dan pembangunan dunia semasa, malah mereka tidak gemar mencari harta dan kekayaan. Mereka hanya berpada dengan apa yang ada sahaja. Mereka ini terdiri daripada golongan Sufiyah. Golongan Sufiyah suka menyisihkan diri dari masyarakat, khususnya masyarakat moden yang dipenuhi pelbagai penceroba dan godaan. Bagi mengelakkan dari penceroba dan godaan tersebut, mereka mengambil jalan mudah dan singkat iaitu berzikir dan beribadat sama ada bersendirian atau bertarekat tanpa mempedulikan masyarakat dan pembangunan negara. Mereka ini juga, mengikut al-Baghdad, termasuklah dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menurut pandangannya pada masa itu.<sup>24</sup>

### KESIMPULAN

Dari pelbagai aliran pemikiran yang disebutkan di atas ternyata bahawa kesemuanya lahir selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.. Bibit-bibit perpecahan di kalangan *ummah* sudah bermula sebaik sahaja Nabi wafat. Isu-isu yang ditimbulkan pada waktu itu ialah berkaitan dengan masalah kewafatan Nabi, imamah (khilafah), zakat dan lain-lain lagi. Isu-isu ini telah dipolitikkan sehingga mereka berpecah kepada pelbagai aliran pada zaman Sayidina Ali b. Abi Talib k.w.. Aliran-aliran tersebut ialah Khawarij, Syiah, Murji'ah dan diikuti pula oleh Mu'tazilah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kelahiran setiap aliran tersebut merupakan reaksi atau tindak balas kepada aliran lain yang lahir sebelumnya. Dengan kata lain, mereka itu lahir secara bersambung-sambung dengan gaya dan jalan pemikiran yang berbeza-beza. Dalam proses pertumbuhan pelbagai aliran pemikiran itu, maka sudah tentulah ia akan melalui tahap kematangannya. Sebagai aliran pemikiran yang terakhir, maka sudah sewajarnyalah aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mencapai tahap kematangan, *sintesis*, itu. Kerana sebelum itu pun ia sudah mengekor aliran-aliran lain menerusi tokoh-tokohnya yang terkenal dari golongan *al-Salaf al-Salih* yang terdiri daripada para sahabat Nabi dan Tabi'in. Usaha bagi memunculkan aliran Sunni telah diselesaikan oleh Abu Hasan al-Asy'ari melalui pengalamannya yang luas ketika mengikuti ajaran Mu'tazilah dan ajaran Ahmad b. Hambal. Keistimewaan aliran Sunni ialah sikap kesederhanaan dalam semua hal yang berkaitan dengan kehidupan individu dan masyarakat sesuai dengan tuntutan Islam. Ini tidak bererti bahawa

<sup>24</sup> *Al-Quran*, surah al-Baqarah (2): 43.

aliran-aliran lainnya kesemuanya terkeluar dari dasar Islam. Sebahagian dari firqah Syiah, yakni Syiah Imamiyah dan Zaidiyah, diakui sebahagian dari firqah Islamiyah oleh ulama Islam, termasuk al-Baghdadi.

Kemunculan pelbagai aliran pemikiran di kalangan Sunni dan Syiah pada masa ini adalah merupakan manifestasi kepada aliran-aliran pemikiran mereka di masa lampau. Namun begitu, tektik dan strategi mereka sudah banyak berubah dari masa lampau disebabkan oleh keadaan dan suasana yang kian berubah. Dalam usaha untuk mendaulatkan syariat Islam nampaknya golongan Syiah mendahului golongan Sunni walaupun pendukung-pendukung aliran Sunni lebih besar jumlahnya. Ini adalah disebabkan oleh kerana golongan Sunni masih berpecah sesama sendiri. *Wabillahi al-Tawfiq, wallahu A'lam.*